

## → DUNIA

# 20 peratus pekerja Jepun tertekan

BIT  
9110116  
MIS - 42

➔ Beban kerja melampau punca bunuh diri, pelbagai penyakit kronik

## ► Tokyo

**S**ebanyak 20 peratus daripada pekerja di Jepun menghadapi risiko kematian akibat terlalu penat bekerja berikutan budaya kerja negara ini yang amat membebakan, menurut satu kajian kerajaan.

Setiap tahun, ratusan kes kematian yang dikaitkan dengan beban kerja, daripada angin ahmar, serangan jantung dan bunuh diri dilaporkan, selain pelbagai masalah kesihatan serius yang mencetuskan tindakan undang-undang dan gesaan agar masalah itu diselesaikan.

### Fakta nombor

**22.7**  
PERATUS

syarikat yang terbabit dalam tinjauan

**21.3**  
PERATUS

pekerja Jepun secara purata bekerja 49 jam atau lebih seminggu

### Isu dibawa ke Kabinet

Tinjauan itu adalah laporan rasmi mengenai 'karoshi' atau kematian akibat penat bekerja yang pertama yang disahkan oleh Kabinet Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe, Jumaat lalu.


Ketika imej popular pekerja bekerja lebih masa untuk syarikat, sebelum menaiki kereta api terakhir pulang ke rumah mula berubah, ramai lagi masih berada di pejabat berbanding rakan mereka di negara maju.

Menurut kajian itu, 22.7 peratus syarikat yang terbabit dalam tinjauan antara Disember 2015 hingga Januari lalu menyatakan sebahagian daripada kakitangan mereka merekodkan lebih 80 jam bekerja lebih masa setiap bulan, yang meningkatkan kemungkinan mati akibat kerja menjadi serius.

Laporan itu menambah, kira-kira 21.3 peratus pekerja Jepun secara purata bekerja 49 jam atau lebih setiap minggu, jauh di atas paras 16.4 peratus berbanding di Amerika Syarikat, 12.5 peratus di Britain dan 10.4 peratus di Perancis.

AFP

[ FOTO AGENSI ]



Setiap tahun, ratusan kes kematian yang dikaitkan dengan beban kerja dilaporkan di Jepun.